

PROGRAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DAN KETERLIHATAN

NAMA PROGRAM	:	PROGRAM MOBILITI INBOUND BERKREDIT 2 <i>National University of Singapore (NUS)</i>
TARIKH PROGRAM	:	13 – 30 MEI 2025 (KESELURUHAN) 23 – 26 MEI 2025 (SECARA BERSEMUKA)



Program Inbound Mobiliti dari National University of Singapore (NUS) berkredit 2 telah berjaya dijalankan di Pulau Redang dan Pulau Bidong. Program ini disertai oleh 33 orang pelajar NUS, 2 orang pensyarah NUS dan 2 orang pengajar NUS, dan disokong oleh pensyarah-pensyarah FSSM dari Program Sains Marin, Biologi Marin dan Pemuliharaan dan Pengurusan Biodiversiti, ahli-ahli makmal FSSM, PPPL dan Pusat Sukan UMT.

PROGRAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DAN KETERLIHATAN

NAMA PROGRAM	:	PROGRAM MOBILITI INBOUND BERKREDIT 2 <i>Universitas Negeri Malang, Indonesia</i>
TARIKH PROGRAM	:	13 – 30 MEI 2025 (KESELURUHAN) 7 – 11 MEI 2025 (SECARA BERSEMUKA)



Delegasi daripada Universitas Negeri Malang, Indonesia yang terdiri daripada 10 orang pelajar bersama pengiring berkunjung ke UMT sempena Program Mobiliti Inbound berkredit 2 anjuran bersama Program Pengajian Sarjana Muda Sains (Kimia Analisis & Persekitaran), FSSM bertarikh 7 – 11 Mei 2025 di UMT. Sepanjang program ini, para peserta terlibat dalam pelbagai aktiviti menarik seperti: Kuliah interaktif, Amali makmal, dan kerja lapangan. Program ini bukan sahaja dapat memperkukuh hubungan akademik antara dua institusi, tetapi juga membuka ruang kolaborasi yang lebih meluas dan berimpak tinggi pada masa akan datang khususnya kepada FSSM.

PROGRAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DAN KETERLIHATAN

NAMA PROGRAM	: PROGRAM MOBILITI INBOUND BERKREDIT 3 <i>Universitas Brawijaya, Indonesia</i>
TARIKH PROGRAM	: 7 APRIL – 5 MEI 2025 (KESELURUHAN) 7 – 11 MEI 2025 (SECARA BERSEMUKA)



Program Pengajian Sarjana Muda Sains (Kimia Analisis & Persekitaran) telah menerima 6 orang pelajar dan 2 pensyarah pengiring dari Jabatan Kimia, FMIPA Universitas Brawijaya bagi Program Inbound Mobiliti Berkredit 3. Program ini telah dijalankan bermula 7 April sehingga 5 Mei 2025 melibatkan gabungan kuliah secara atas talian dan kerja lapangan di SPAK. Sepanjang program ini, para peserta akan terlibat dalam pelbagai aktiviti menarik seperti: Kuliah interaktif, amali makmal, kerja lapangan. Kerjasama ini juga adalah kesinambungan kerjasama (latihan industri, kuliah bersama) di antara FSSM dan FMIPA Universitas Brawijaya.

PROGRAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DAN KETERLIHATAN

NAMA PROGRAM	:	PROGRAM MOBILITI INBOUND BERKREDIT 2 <i>The University of Hong Kong (HKU)</i>
TARIKH PROGRAM	:	5 – 22 OGOS 2025



Program Inbound Mobiliti berkredit 2 dari The University of Hong Kong (HKU) telah berjaya dijalankan di UMT, Kuala Terengganu dan Pulau Bidong pada 5- 22 Ogos 2025. Program ini disertai oleh 15 pelajar, 2 Pensyarah (Prof Gray and Prof Bayden) dan 2 pelajar pasca siswazah dari HKU, dan disokong oleh FSSM (Pensyarah Program Sains Marin, Biologi Marin, Pemuliharaan dan Pengurusan Biodiversiti, Geosains Marin, pegawai makmal dan pejabat am FSSM) serta sokongan dari PPPL.

PROGRAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DAN KETERLIHATAN


NAMA PROGRAM	:	PROGRAM MOBILITI INBOUND BERKREDIT 2 <i>Universitas Padjadjaran (UNPAD), Indonesia</i>
TARIKH PROGRAM	:	14 JULAI – 7 OGOS 2025



Program Mobiliti Inbound (Berkredit) telah melibatkan sangkutan penyelidikan bagi 2 orang pelajar prasiswazah Program Sains Kimia, *Faculty of Mathematics and Natural Sciences*, Universitas Padjadjaran (UNPAD) ke FSSM. Program ini berlangsung dari 14 Julai hingga 7 Ogos 2025, merangkumi kursus latihan penyelidikan di bawah penyeliaan dua orang pensyarah Program Sains Kimia, FSSM. Sepanjang program, pelajar UNPAD memperoleh pengalaman baharu dalam persekitaran penyelidikan di UMT, sekali gus meningkatkan kemahiran makmal serta berpeluang menggunakan instrumen canggih yang disediakan di UMT.

PROGRAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DAN KETERLIHATAN

NAMA PROGRAM	:	PROGRAM MOBILITI INBOUND BERKREDIT 2 <i>Universitas Padjadjaran (UNPAD), Indonesia</i>
TARIKH PROGRAM	:	5 – 18 OKTOBER 2025



Program Short Course “Application of AI in Chemical Research” (Mobiliti Inbound Berkredit - 2 jam kredit (SSM4912)) telah dianjurkan secara hibrid sepenuhnya. Program ini berlangsung selama 14 hari bermula dari 5 Oktober sehingga 18 Oktober 2025. Program mobility inbound ini menghimpunkan 16 pelajar prasiswazah dari Chemistry Department, Faculty of Mathematics and Natural Sciences, Universitas Padjadjaran (UNPAD). Program ini turut melibatkan penyediaan tugas berkumpulan secara ‘case study’ dimana pelajar perlu membentangkan hasil dapatan secara atas talian. Selain itu, Program ini juga melibatkan “Program Guest Lecture” secara atas talian yang menampilkan pensyarah Sains Kimia dan UNPAD yang berkongsi kepakaran masing-masing. Program Short Course ini juga disiarkan melalui media rasmi UNPAD: <https://fmipa.unpad.ac.id/fmipa-unpad-dan-fssm-umt-malaysia-gelar-joint-short-course-bertema-application-of-ai-in-chemical-research/>

PROGRAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DAN KETERLIHATAN

NAMA PROGRAM	:	PROGRAM MOBILITI INBOUND BERKREDIT 3 <i>University of Porto, Portugal</i>
TARIKH PROGRAM	:	1 OKTOBER – 28 DISEMBER 2025



U.PORTO
UNIVERSIDADE DO PORTO

UMT
Universiti Malaysia Terengganu

SHARING SESSION (MOBILITY INBOUND)

UNIVERSITY OF PORTO, PORTUGAL

- Ms. Leticia Veiga Mauro**
- MSc. (Master in Ecology & Environment)**
- 10 December 2025**
- 10:00am - 11:00am**
- Seminar Room
Faculty of Science and
Marine Environment, UMT**

From: The Management of the
Faculty of Science and
Marine Environment



UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

"Terakaun Seluas Lautan, Demi Kelestarian Sejagat" | "Ocean of Discoveries, for Global Sustainability"

Program Pemuliharaan dan Pengurusan Biodiversiti, FSSM telah menerima seorang pelajar Sarjana untuk program Mobiliti Inbound dari University of Porto, Portugal. Pelajar, Ms. Leticia Veiga Mauro, telah menjalankan penyelidikan berkenaan kelulut dibawah seliaan Prof. Madya Dr. Norasmah Basari. Disamping itu, pelajar ini juga telah dijemput untuk memberikan perkongsian berkenaan peluang-peluang mobiliti antarabangsa bersama pelajar-pelajar tahun akhir Program Pemuliharaan dan Pengurusan Biodiversiti, FSSM pada 10 Disember 2025.

PROGRAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DAN KETERLIHATAN

NAMA PROGRAM	:	PROGRAM MOBILITI TAK BERKREDIT - COLLABORATIVE ONLINE INTERNATIONAL LEARNING (COIL) <i>University of Cádiz (UCA), Sepanyol</i>
TARIKH PROGRAM	:	22 OKTOBER – 24 NOVEMBER 2025



Program Collaborative Online International Learning (COIL) telah berjaya dilaksanakan antara Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Malaysia dan University of Cádiz (UCA), Sepanyol. Aktiviti ini melibatkan 27 orang pelajar kursus Teknik Spektroskopi dalam Kimia Analisis di bawah program Ijazah Sarjana Muda Sains Kimia Analisis dan Persekitaran di UMT, serta 42 orang pelajar kursus Kimia Analisis di bawah program Ijazah Sarjana Muda Sains Kimia di UCA. Mesyuarat dalam talian pertama telah diadakan pada 22 Oktober 2025, diikuti oleh hari pertama pembentangan COIL pada 24 November 2025 dan hari kedua pembentangan pada 25 November 2025. Semua sesi dijalankan melalui platform Google Meet. Projek COIL ini telah dikendalikan bersama oleh empat orang pensyarah iaitu Prof. Madya Dr. Hafiza Mohamed Zuki, Dr. Maisarah Jaafar, Prof. Madya Dr. Estrella Espada Bellido, Prof. Madya Dr. Dolores Bellido Milla.

PROGRAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DAN KETERLIHATAN

NAMA PROGRAM	:	PROGRAM MOBILITI TAK BERKREDIT - COLLABORATIVE ONLINE INTERNATIONAL LEARNING (COIL) <i>The Education University Of Hong Kong (EDuHK)</i>
TARIKH PROGRAM	:	15 NOVEMBER 2025



Program ini dilaksanakan bersekali dengan kursus bertaraf elektif (ELF) FSSM iaitu SBE3012 - Marine Debris in Circular Blue Economy bersama the Education University of Hong Kong (EduHK) bagi subjek Environmental Integration Management mereka. Pensyarah-pensyarah yang terlibat dalam pengajaran kursus ini adalah Prof Madya Dr. Tuan Nurul Sabiqah Tuan Anuar dan Prof. Madya Dr. Yusof Shuaib Ibrahim.

PROGRAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DAN KETERLIHATAN

NAMA PROGRAM	:	PROGRAM MOBILITI OUTBOUND – LATIHAN INDUSTRI <i>Universitas Negeri Malang, Indonesia</i>
TARIKH PROGRAM	:	07 – 30 APRIL 2025



Seramai 4 orang pelajar prasiswazah dari Program Sains Biologi, FSSM diberi peluang menjalani program Latihan Industri (LI) dibawah inisiatif Mobiliti Outbound, di Program Studi Bioteknologi, Fakultas Matematik dan Ilmu Pengetahuan Alam (FMIPA), Universitas Negeri Malang, Indonesia. Para pelajar berpeluang menjalankan penyelidikan secara menyeluruh di makmal serta mendapat latihan secara hands-on menggunakan peralatan berteknologi tinggi di Program Studi FMIPA. Pengalaman ini bukan sahaja dapat meningkatkan kemahiran mereka dalam pengendalian dan pemprosesan sampel di makmal, malah turut mempertingkatkan kecekapan dalam menganalisis bahan kajian.

PROGRAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DAN KETERLIHATAN

NAMA PROGRAM	: PROGRAM MOBILITI OUTBOUND – LATIHAN INDUSTRI <i>Universitas Padjadjaran, Indonesia</i>
TARIKH PROGRAM	: 14 APRIL – 9 MEI 2025



Seramai 4 orang pelajar pra siswazah Program Sains Kimia, FSSM telah menjalani program Latihan Industri di bawah Mobiliti Outbound di Faculty of Mathematics and Natural Sciences, Universitas Padjadjaran, Indonesia, bermula 14 April sehingga 9 Mei 2025. Program ini memberi manfaat kepada pelajar dan juga UMT dari segi promosi mobiliti pelajar antarabangsa dan potensi kerjasama penyelidikan dengan universiti luar. Selain itu, program ini juga dapat mendedahkan pelajar kepada pengetahuan asas dan teknik penggunaan alat makmal berteknologi tinggi yang berkait rapat dengan bidang Sains Kimia. Program latihan industri ini dapat meningkatkan minat pelajar untuk menjalankan penyelidikan serta dapat meningkatkan keyakinan dan pengalaman pelajar yang amat berguna dalam kerjaya pelajar di masa hadapan.

PROGRAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DAN KETERLIHATAN

NAMA PROGRAM	:	PROGRAM MOBILITI OUTBOUND – LATIHAN INDUSTRI <i>National Kaohsiung University of Science and Technology, Taiwan</i>
TARIKH PROGRAM	:	6 OKTOBER 2025-23 JANUARI 2026



Seramai 3 orang pelajar KAP telah terlibat dalam program mobiliti latihan industri luar negara. Pelajar pertama, Lim Jun Hao, menjalani latihan industri di National Kaohsiung University of Science and Technology, Taiwan. Pelajar kedua, Chow Chi Haw, mengikuti latihan di National Taiwan University, Institute of Marine Environment and Ecology (IMEE) di bawah penyeliaan Prof. Madya Dr. Chen Tzong-Yueh. Pelajar ketiga, Phoebee Li Xin Yi, menjalani latihan industri di Prince of Songkla University, Thailand dengan penyelia Prof. Madya Dr. Chongdee T. Buranachai. Program ini memberi pendedahan antarabangsa serta meningkatkan kemahiran akademik dan profesional pelajar KAP.

PROGRAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DAN KETERLIHATAN


NAMA PROGRAM	:	PROGRAM MOBILITI OUTBOUND – LATIHAN INDUSTRI <i>Shenzhen Fairy Lake Botanical Garden, Guangdong, China</i>
TARIKH PROGRAM	:	13 OKTOBER 2025 - 30 JANUARI 2026



Seramai 3 orang pelajar prasiswazah dari *SMSG (Pemuliharaan dan Pengurusan Biodiversiti)*, Fakulti Sains dan Sekitaran Marin (FSSM), iaitu Moong Jian Shing, Poon Wei Ni, dan Tan Ti Ying, telah menjalani program *Latihan Industri (LI)* di *Shenzhen Fairy Lake Botanical Garden, Guangdong, China*, bermula dari 13 Oktober 2025 hingga 30 Januari 2026. Sepanjang tempoh 16 minggu program, para pelajar ditugaskan kepada tiga topik penyelidikan berbeza, iaitu Lumut (Bryophytes), Tumbuhan Paku (Pteridophytes), dan Angiosperma (Angiosperms), yang telah meningkatkan kemahiran penyelidikan mereka dalam taksonomi dan pengelasan tumbuhan. Pengalaman ini turut memperluaskan kemahiran teknikal mereka dalam penggunaan mikroskop, pengurusan spesimen, teknik penanaman dan pembiakan spesies jarang, analisis data menggunakan perisian pengaturcaraan, serta penglibatan dalam acara saintifik dan pasyarakat sains.

PROGRAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DAN KETERLIHATAN

NAMA PROGRAM	: PROGRAM MOBILITI OUTBOUND – LATIHAN INDUSTRI <i>South China Sea Institute of Oceanology (SCSIO), Chinese Academy of Sciences (CAS), Guangzhou, China</i>
TARIKH PROGRAM	: 06 OKTOBER 2025 - 23 JANUARI 2026



Seorang pelajar prasiswazah dari Program Sains Marin, Fakulti Sains dan Sekitaran Marin (FSSM), Lee Ying Chin sedang menjalani latihan industri di South China Sea Institute of Oceanology (SCSIO), Chinese Academy of Sciences (CAS), Guangzhou, China. Program Latihan Industri ini dijalankan selama 16 minggu dari 6 October 2025 hingga 23 Januari 2026. Sepanjang program ini, pelajar terlibat dalam kerja lapangan dan analisis makmal yang merangkumi eksperimen berkaitan sifat fizikokimia serta kandungan karbon organik dalam sedimen paya bakau. Satu projek mini turut dilaksanakan bagi membandingkan kandungan karbon organik dalam sedimen bakau tanaman di zon iklim yang berbeza, di mana keputusan menunjukkan kandungan karbon organik adalah lebih tinggi di kawasan beriklim panas dan lembap.

PROGRAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DAN KETERLIHATAN

NAMA PROGRAM	:	PROGRAM MOBILITI OUTBOUND MALAYSIA–CHINA YOUTH TVET TRAINING (MCYTT) <i>Shanghai Technical Institute of Electronics & Information, China</i>
TARIKH PROGRAM	:	5 – 18 NOVEMBER 2025



Seramai 3 orang pelajar Sarjana Muda Sains Gunanan Nanofizik, FSSM UMT telah terpilih menyertai Malaysia–China Youth TVET Training (MCYTT) di Shanghai Technical Institute of Electronics & Information pada 5–18 November 2025. Program ini memberi pendedahan kepada teknologi semikonduktor dan elektronik terkini, serta peluang membina jaringan antarabangsa. Para peserta juga berpeluang menghadiri Malaysia–China International Industry–Education Cooperation Forum dan 4th Malaysia–China Vocational Education Fair, yang telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia.

PROGRAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DAN KETERLIHATAN

NAMA PROGRAM	:	PROGRAM MOBILITI OUTBOUND BERKREDIT 2 <i>Universitas Padjadjaran (UNPAD), Indonesia</i>
TARIKH PROGRAM	:	5 – 18 OKTOBER 2025



Program Short Course "Application of AI in Chemical Research" (Mobiliti Outbound Berkredit – 2 jam kredit (SSM4912)) telah dianjurkan di Faculty of Mathematics and Natural Sciences, Universitas Padjadjaran (UNPAD), Indonesia pada 5–18 Oktober 2025. Program ini menghimpunkan 10 pelajar prasiswazah dan seorang pelajar pascasiswazah dari Program Sains Kimia, FSSM. Program Short Course ini melibatkan enam pensyarah dari kedua-dua universiti yang membincangkan pelbagai topik berkaitan aplikasi AI dalam penyelidikan kimia. Manakala "Program Guest Lecture" secara atas talian turut menampilkan pensyarah Sains Kimia dan UNPAD yang berkongsi kepakaran masing-masing. Program Short Course ini juga disiarkan melalui media rasmi UNPAD: <https://fmipa.unpad.ac.id/fmipa-unpad-dan-fssm-umt-malaysia-gelar-joint-short-course-bertema-application-of-ai-in-chemical-research/>

PROGRAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DAN KETERLIHATAN

NAMA PROGRAM	:	PROGRAM MOBILITI OUTBOUND – PERTUKARAN PELAJAR <i>The Japan Foundation Japanese-Language Institute, Kansai, Osaka, Jepun</i>
TARIKH PROGRAM	:	7 OKTOBER – 19 NOVEMBER 2025



PROGRAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DAN KETERLIHATAN

Seorang pelajar Sarjana Muda Sains (Sains Marin) dengan Kepujian, Fakulti Sains dan Sekitaran Marin (FSSM), telah menyertai program Japanese-Language Program for Counterpart Japanese Learners (University Students) di The Japan Foundation Japanese-Language Institute, Kansai, Osaka, Jepun. Program ini telah berlangsung selama 44 hari, bermula dari 7 Oktober 2025 sehingga 19 November 2025. Sepanjang tempoh program, pelajar berpeluang mengikuti pembelajaran Bahasa Jepun secara intensif yang menekankan kemahiran komunikasi, kerja berkumpulan bersama enam buah negara iaitu, Timor-Leste, Vietnam, Laos, India, Cambodia, dan Taiwan serta perbincangan berkaitan isu semasa dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs). Selain pembelajaran akademik, pelajar turut terlibat dalam pelbagai aktiviti kebudayaan dan pertukaran antarabangsa, termasuk lawatan sambil belajar, interaksi bersama komuniti setempat serta pelajar universiti di Jepun.

PROGRAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DAN KETERLIHATAN

NAMA PROGRAM	:	PROGRAM MOBILITI OUTBOUND TIDAK BERKREDIT <i>Prince of Songkla, (PSU), Hatyai, Thailand</i>
TARIKH PROGRAM	:	17 – 21 FEBRUARI 2025



Program Sains Marin, FSSM telah menghantar satu rombongan pelajar yang seramai 35 orang ke Prince of Songkla University, Hatyai, Thailand di bawah program mobiliti pelajar. Pelajar terdiri dari program Sains Marin (34 orang) dan Biologi Marin (1 orang). Kunjungan telah disambut baik oleh pihak Fakulti Sumber Asli, PSU. Dr. Enakrin Rodcharoen adalah pengiring yang mewakili pihak fakulti ini. Sesi suai kenal and interaksi antara pelajar bersama staf akademik telah berlangsung di dalam bilik seminar fakulti. Satu sesi pembentangan kajian sumber akuatik dari dua pihak juga diadakan. Pihak UMT diwakili oleh En Yong Jaw Chuen. Didapati dua-dua pihak juga mempunyai bidang penyelidikan tujahan yang berdekatan serta pelbagai jenis kolaborasi yang berpotensi juga dibincangkan.

PROGRAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DAN KETERLIHATAN


NAMA PROGRAM	:	PROGRAM MOBILITI OUTBOUND TIDAK BERKREDIT <i>Sun Yat-sen University, Zhuhai, China</i>
TARIKH PROGRAM	:	26 OKTOBER – 24 NOVEMBER 2025



Seramai 3 orang pelajar pascasiswazah dari Fakulti Sains Sekitaran Marin (FSSM) telah mengikuti Program Winter School Study anjuran Sun Yat-sen University, Kampus Zhuhai, China selama 1 bulan bermula pada 26 Oktober 2025 hingga 24 November 2025. Secara keseluruhan, program ini melibatkan 17 pelajar pascasiswazah dari beberapa negara, termasuk 2 dari Kemboja, 3 dari Malaysia, dan 11 dari Indonesia, membolehkan peserta berinteraksi dengan rakan-rakan antarabangsa dan berkongsi pengalaman dari pelbagai latar belakang. Peserta mendapat peluang untuk menghadiri kuliah yang disampaikan oleh pensyarah-pensyarah terkemuka dengan latar belakang yang hebat, meliputi topik seperti monsun, variasi iklim, fenomena cuaca ekstrem, pengurusan perikanan, ekosistem bakau dan hutan, serta biologi marin. Seterusnya, aktiviti budaya termasuk lawatan ke Tangjia Ancient Town, muzium sejarah Sun Yat-sen di kampus Guangzhou, dan sesi bersama Mrs Lu Chen yang memperkenalkan tradisi dan tayangan filem Cina turut mereka ikuti.

PROGRAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DAN KETERLIHATAN

NAMA PROGRAM	:	PROGRAM MOBILITI OUTBOUND SEA ANEMONE TAXONOMY WORKSHOP <i>National University of Singapore (NUS), Singapura</i>
TARIKH PROGRAM	:	05 – 12 NOVEMBER 2025



Seramai 3 orang pelajar prasiswazah dari Program Sains Marin, FSSM, menyertai program Sea Anemone Taxonomy Workshop dibawah inisiatif Mobiliti Outbound, di St. John's Island National Marine Laboratory (SJINML), National University of Singapore (NUS), Singapore, bermula dari 5 November hingga 12 November 2025. Sepanjang tempoh 8 hari program, para pelajar telah berpeluang menjalankan penyelidikan taksonomi buran (sea anemone) secara menyeluruh di makmal, termasuk pemerhatian dan pengenalpastian spesies, di samping menjalani aktiviti pensampelan lapangan di beberapa kawasan pantai terpilih di Singapura. Pengalaman ini memberi pendedahan secara hands-on kepada pelajar dalam pengendalian spesimen serta pemahaman terhadap biodiversiti buran di habitat semula jadi.

PROGRAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DAN KETERLIHATAN

NAMA PROGRAM	:	PROGRAM KOMUNITI – PEMINDAHAN ILMU <i>Eco-Bricks Plastic</i>
TARIKH PROGRAM	:	15 DISEMBER 2025



Projek komuniti bertajuk "**Eco-Bricks Plastic**" telah dijalankan di Sekolah Sri Showme Kids dengan bimbingan Dr Wan Nurzalia binti Wan Saelan. Projek ini telah berlangsung pada 15 Disember 2025, dengan fokus utama kepada aktiviti *plastic bottle upcycling*. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan murid tentang kepentingan penjagaan alam sekitar serta menggalakkan amalan kitar semula secara kreatif.

PROGRAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DAN KETERLIHATAN

NAMA PROGRAM	: PROGRAM KOMUNITI – PEMINDAHAN ILMU <i>Blue School Malaysia: A Junior Curator's Journey</i>
TARIKH PROGRAM	: 23 – 24 JUN 2025



Seramai 100 pelajar sekolah dari 5 buah sekolah dari sekitar Kuala Nerus terlibat dalam program Blue School Malaysia: A Junior Curator's Journey anjuran bersama FSSM, RRC, (INOS) dan SOA Malaysia (MY Ocean Hope), di bawah tajaan The Habitat Foundation, YUFE, dan HEPA UMT. Objektif utama Blue School Malaysia adalah untuk membentuk komuniti pelajar bertahap literasi lautan yang tinggi di seluruh negara agar membangunkan generasi muda yang bukan sahaja memahami, tetapi juga berupaya mempertahankan khazanah marin negara demi masa depan yang lestari. Program ini memperkenalkan pendekatan pembelajaran luar bilik darjah yang berasaskan habitat marin melalui lawatan pendidikan ke kawasan persisiran pantai, hutan paya bakau, terumbu karang dan rumpai laut untuk meneroka secara langsung ekosistem marin yang penting sambil membina hubungan emosi dan saintifik dengan alam sekitar.

PROGRAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DAN KETERLIHATAN

NAMA PROGRAM	: PROGRAM KOMUNITI – PEMINDAHAN ILMU <i>Sains dan Kehidupan Terhadap Pembelajaran Kimia Tingkatan 4</i>
TARIKH PROGRAM	: 25 NOVEMBER 2025
	
<p>Program ini melibatkan 5 buah sekolah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Sulaiman, Sekolah Menengah Sains Hulu Terengganu, Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Nilam, Sekolah Menengah Kebangsaan Megat Panji Alam dan Sekolah Menengah Agama (Atas) Sultan Zainal Abidin. Program ini menghimpunkan seramai 350 peserta yang terdiri daripada pelajar, guru pengiring, fasilitator, serta penceramah jemputan. Bagi memupuk minat terhadap sains, pelajar turut didedahkan dengan eksperimen ringkas berkaitan sains dan kimia. Selain itu, pelbagai program yang ditawarkan di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) turut diperkenalkan sebagai usaha menarik minat pelajar untuk melanjutkan pengajian di UMT pada masa hadapan.</p>	

PROGRAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DAN KETERLIHATAN

NAMA PROGRAM	:	PROGRAM KOMUNITI – PEMINDAHAN ILMU <i>Program Pendidikan Alam Sekitar S.E.A Hero</i>
TARIKH PROGRAM	:	19 - 20 NOVEMBER 2025
		
<p>Program Pendidikan Alam Sekitar S.E.A Hero hasil kerjasama Program Sains Marin UMT, Trash Hero Batu Buruk dan Showme Kids Kindergarten & Playschool telah dilaksanakan pada 19–20 November 2025 di Pantai Teluk Ketapang dan Pantai Batu Buruk, Terengganu. Program berkonsepkan Eco Education ini melibatkan seramai 141 orang terdiri daripada 120 kanak-kanak, 8 guru tadika, 3 ahli Trash Hero Batu Buruk, 6 pelajar Program Sains Marin dan 4 pensyarah Program Sains Marin, FSSM, UMT melalui aktiviti <i>Beach Cleaning</i>. Program ini bertujuan memupuk kesedaran awal tentang pemeliharaan dan pemuliharaan alam laut, meningkatkan pengetahuan asas ekosistem marin serta membentuk sikap bertanggungjawab terhadap alam sekitar. Berteraskan tema S.E.A Hero (<i>Support the ocean, Explore marine life, Appreciate the sea</i>), program ini selari dengan aspirasi UMT dalam melahirkan generasi muda yang cakna dan komited terhadap kelestarian alam sekitar.</p>		

PROGRAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DAN KETERLIHATAN

NAMA PROGRAM	:	PROGRAM KOMUNITI – PEMINDAHAN ILMU <i>Program Pendidikan Tanah Bencah</i>
TARIKH PROGRAM	:	28 SEPTEMBER 2025



Seramai 21 orang pelajar Tingkatan 6 dan 3 orang guru telah menghadiri *Program Pendidikan Tanah Bencah bagi Kajian Lapangan Geografi STPM 2025* di *Pusat Penyelidikan Alami Tanah Bencah Setiu* pada 28 September 2025. Program ini dikendalikan oleh 2 orang pensyarah dan 1 pembantu makmal dari FSSM, yang diketuai oleh **Dr. Siti Mariam Muhammad Nor**. Objektif program adalah untuk mendedahkan pelajar kepada kepentingan ekosistem tanah bencah, meningkatkan pemahaman mereka tentang peranan ekologi dan pemuliharaan habitat tanah bencah, serta menyediakan pengalaman pembelajaran praktikal yang berkaitan dengan silibus Geografi STPM. Program ini memberi impak positif dalam meningkatkan kesedaran pelajar terhadap isu pemuliharaan biodiversiti serta memperkukuh hubungan antara UMT dengan institusi pendidikan menengah dalam usaha pemsyarakatan sains dan pendidikan alam sekitar.

PROGRAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DAN KETERLIHATAN

NAMA PROGRAM	:	KOLABORASI FSSM (UMT) BERSAMA MADURAI KAMARAJ UNIVERSITY, INDIA
TARIKH PROGRAM	:	26 – 30 OGOS 2025



Prof. Dr. V. S. Vasantha, dari Madurai Kamaraj Universiti, India, telah mengadakan lawatan akademik ke Universiti Malaysia Terengganu (UMT) pada 26 – 30 Ogos 2025 sebagai Profesor Pelawat bagi Program Sains Biologi, Fakulti Sains dan Sekitaran Marin. Sepanjang lawatan tersebut, pelbagai aktiviti akademik dan kerjasama telah berjaya dilaksanakan, antaranya adalah:

- ✓ Penyampaian syarahan jemputan berkaitan bidang kepakaran beliau kepada pelajar dan staf akademik
- ✓ Perbincangan penyelidikan bersama melibatkan ahli akademik UMT, khususnya dalam bidang sains biologi dan alam sekitar
- ✓ Sesi perbincangan kurikulum dan penanda aras akademik bagi tujuan penambahbaikan program pengajian
- ✓ Penerokaan kerjasama penyelidikan dan penerbitan bersama, termasuk potensi permohonan geran dan mobiliti akademik.
- ✓ Kerjasama ini dilihat telah memberi impak positif kepada pengukuhan jaringan antarabangsa UMT, peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran, serta pemerkasaan aktiviti penyelidikan sejajar dengan aspirasi pengantarabangsaan universiti.

PROGRAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DAN KETERLIHATAN

NAMA PROGRAM	:	KOLABORASI FSSM (UMT) BERSAMA VELLORE INSTITUTE OF TECHNOLOGY TAMIL NADU, INDIA
TARIKH PROGRAM	:	26 – 30 OKTOBER 2025



Prof Madya Dr. Ramesh Kumar Santhanam telah dijemput untuk berkunjung ke Universiti Malaysia Terengganu (UMT) sebagai Visiting Lecturer di Fakulti Sains dan Sekitaran Marin (FSSM) pada 26 hingga 30 Oktober 2025. Lawatan akademik ini telah memperkukuh jaringan kolaborasi antara FSSM, UMT dan Vellore Institute of Technology (VIT), India, khususnya dalam bidang biosains dan sains bahan, melibatkan aspek mobiliti staf dan pelajar, penyeliaan bersama serta penyelidikan kolaboratif. Antara aktiviti utama sepanjang lawatan tersebut adalah:

- ✓ Menandatangani Surat Hasrat (Letter of Intent, LOI) antara FSSM, UMT dan VIT, India
- ✓ Sesi perbincangan akademik dan penyelidikan bersama staf FSSM berkaitan mobiliti staf/pelajar dan program penyelidikan bersama
- ✓ Aktiviti makmal melibatkan Liposome Synthesis and Characterization Techniques
- ✓ Pelaksanaan aktiviti ini telah memberi impak positif kepada pengantarabangsaan fakulti dan universiti, pemindahan kepakaran, pengukuhan kerjasama penyelidikan antarabangsa serta peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran di FSSM

PROGRAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DAN KETERLIHATAN

NAMA PROGRAM	:	KOLABORASI FSSM (UMT) BERSAMA UNIVERSITY OF TSUKUBA, JAPAN
TARIKH PROGRAM	:	22 – 23 JUN 2025



Pada sesi akademik akan datang (Semester II, 2025/2026), seramai 6 orang pelajar tahun dari FSSM UMT akan mengikuti program pertukaran AIMS (outbound) di University of Tsukuba, Japan. Tempoh mobiliti yang dicadangkan adalah dari Mac hingga Julai 2026. Bagi memastikan kelangsungan dan perkembangan kerjasama ini, satu lawatan akademik strategik ke University of Tsukuba telah dicadangkan oleh Prof Dr. Nakao Nomura (Director, Division of International Exchange Support, Student Support Center Global Commons, University of Tsukuba) kepada Prof. Madya Dr. Yusof Shuaib Ibrahim, selaku penyelaras MoU tersebut di UMT. Tujuan jemputan tersebut adalah untuk membincangkan di peringkat akademik serta proses lanjutan atau pembaharuan MoU bersama University of Tsukuba, terutamanya sebelum sebarang pelaksanaan program mobiliti dan sangkutan akademik dipersetujui.

PROGRAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DAN KETERLIHATAN

NAMA PROGRAM	:	KOLABORASI FSSM (UMT) BERSAMA UNIVERSITAS PADJADJARAN (UNPAD), BANDUNG, INDONESIA
TARIKH PROGRAM	:	5 – 9 MEI 2025



Pembentangan bidang kepakaran dan mesyuarat kolaborasi penyelidikan bersama pensyarah Faculty of Sciences, Universitas Padjadjaran (UNPAD) Bandung Indonesia telah berlangsung dan diketuai oleh 4 orang pensyarah Sains Kimia (Prof Madya ChM Dr Faizatul Shimal binti Mehamod, Prof Madya ChM Dr Syara binti Kassim, ChM Dr Soraya Shafawati binti Mohamad Tahier, dan Dr. Ahmad Nazif bin Aziz. Selain untuk memantau kerja-kerja pelajar LI Sains Kimia di sana, perkongsian kepakaran melalui pembentangan dan mesyuarat kolaborasi penyelidikan dengan pensyarah-pensyarah Faculty of Mathematics and Natural Sciences, UNPAD telah diadakan. Lawatan ini berpotensi memperkenalkan UMT dan FSSM ke tahap antarabangsa, serta memberi manfaat kepada UMT dari segi potensi kerjasama akademik dan penyelidikan dengan universiti luar, dan promosi mobiliti inbound/outbound.

PROGRAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DAN KETERLIHATAN

NAMA PROGRAM	:	KOLABORASI FSSM (UMT) BERSAMA UNIVERSITAS JENDERAL SOEDIRMAN, INDONESIA
TARIKH PROGRAM	:	15 OKTOBER 2025



FSSM) dengan penuh hormat telah menerima kunjungan delegasi daripada Fakultas Perikanan dan Ilmu Kelautan (FPIK), Universitas Jenderal Soedirman, Indonesia. Delegasi yang diketuai oleh Dekan FPIK, Prof. Ir. Dr. Endang Hilmi, membawa misi lawatan ilmiah yang sangat bermakna. Lawatan ini menjadi platform penting bagi kedua-dua institusi untuk memperkukuh jaringan kerjasama dalam pelbagai bidang. Perbincangan terperinci berlangsung berkaitan potensi kolaborasi penyelidikan, program mobiliti akademik bagi pelajar dan pensyarah, penerbitan ilmiah bersama, pertukaran budaya serta khidmat komuniti yang dapat memberi manfaat kepada masyarakat. Sebagai sebahagian daripada program lawatan, delegasi turut dibawa melawat fasiliti di UMT, termasuk makmal pengajaran Kimia Analisis dan makmal penyelidikan mikroplastik.

PROGRAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DAN KETERLIHATAN

NAMA PROGRAM	:	KOLABORASI FSSM (UMT) BERSAMA UNIVERSITAS DIPONEGORO, SEMARANG, INDONESIA
TARIKH PROGRAM	:	20 – 25 APRIL 2025



Seramai 2 orang staf akademik dari Faculty of Science and Management, Universitas Diponegoro, Semarang, Indonesia, iaitu Dr. Karyadi Baskoro dan Dr. Lilih Khotimperwati, telah membuat lawatan akademik ke Fakulti Sains dan Sekitaran Marin (FSSM), UMT, pada 20 hingga 25 April 2025. Sepanjang tempoh 2 hari lawatan ke FSSM, sesi perbincangan telah diadakan untuk membina kerangka kerja kolaborasi penyelidikan dan inisiatif mobiliti akademik antara UMT dan Universitas Diponegoro. Program ini dijangka memberi impak signifikan kepada program Pemuliharaan dan Pengurusan Biodiversiti melalui peningkatan peluang mobiliti pelajar dan kerjasama penyelidikan di peringkat antarabangsa, sekali gus membuka lebih banyak peluang kolaborasi pada masa hadapan.

PROGRAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DAN KETERLIHATAN

NAMA PROGRAM	:	KOLABORASI KONFERENSI FSSM (UMT) BERSAMA INTERNATIONAL SYMPOSIUM ON INSECTS (ISoI 2025)
TARIKH PROGRAM	:	2 – 4 SEPTEMBER 2025



Persatuan Entomologi Malaysia (ENTOMA) telah menganjurkan The 6th International Symposium on Insects (ISoI 2025) di Raia Hotel and Convention Centre, Terengganu. Konferensi ini telah di pengurusikan oleh Prof. Madya Dr. Norasmah Basari dari FSSM bersama rakan kolaborasi dari FSSM UMT, UNISZA & UKM. ENTOMA merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Prof. Ts. Dr. Mohd Fadzil bin Mohd Akhir (Pro Vice Chancelor), Strategy, Performance and Corporate) UMT, atas kesudian merasmikan The 6th International Symposium on Insects (ISoI2025). Konferensi ini bertemakan "Beyond Insects: Unlocking Their Roles in Sustainable and Resilient Society" telah dihadiri oleh 174 entomologist dari dalam dan luar negara.

PROGRAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DAN KETERLIHATAN

NAMA PROGRAM	:	KOLABORASI PENYELIDIKAN FSSM (UMT) BERSAMA UNIVERSITY OF HAWAI`I AT MĀNOA
TARIKH PROGRAM	:	20 – 21 MEI 2025



Prof. Madya Dr. Norasmah Basari dari Program Pemuliharaan dan Pengurusan Biodiversiti, FSSM bersama rakan kolaborasi dari Uni. of Hawai`i at Mānoa diketuai oleh Prof. Dr. Mark Wright menjalankan eksperimen ujian di Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan, Kuala Gandah pada 20-21 Mei 2025 bagi melihat reaksi gajah terhadap bau feromon lebah. Kolaborasi ini akan dipanjangkan dengan LoI atau MoU diantara UMT dan Uni. of Hawaii dalam masa terdekat.

PROGRAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DAN KETERLIHATAN

NAMA PROGRAM	:	KOLABORASI PENYELIDIKAN FSSM (UMT) – EKSPEDISI ANTARTIKA
TARIKH PROGRAM	:	20 – 21 MEI 2025



Profesor Madya Dr Muhammad Hafiz Borkhanuddin telah menyertai Ekspedisi Antartika 2025 dan telah membawa pulang pengalaman luar biasa dari benua beku, serta pengetahuan yang tidak ternilai tentang bagaimana lautan berfungsi, berubah dan memberi impak kepada semua kehidupan kita. Ekspedisi yang dijalankan menggunakan kapal pemecah ais canggih Xuelong 2 itu bermula di Pelabuhan Lyttelton di New Zealand dan berakhir di Pelabuhan Sydney, Australia. Bersama pasukan saintis dari Amerika Syarikat, Britain, Itali, New Zealand, Australia, Korea Selatan, Hong Kong dan China, Dr Hafiz menjejakkan kaki di perairan Laut Ross, salah satu ekosistem marin terakhir di dunia yang hampir tidak diganggu oleh manusia.

PROGRAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DAN KETERLIHATAN

NAMA PROGRAM	:	PENCAPAIAN PELAJAR: PENERIMAAN GERAN PENYELIDIKAN ANTARABANGSA BERNILAI USD 3,000.00
TARIKH PROGRAM	:	8 MEI 2025



Joseph A Cushman Student Research Grant

Nursyafiqah Syazana Sharudin

Congratulation! Your research "Investigating the Response of Larger Benthic Foraminifera (LBF) in the Mesophotic Reefs of Tioman Island to Climate Change and the Role of Endosymbiosis in Their Adaptation," has been selected for a 2025 Joseph A Cushman Student Research Grant worth \$3,000 USD




<https://www.cushmanfoundation.org/>

Saudari Nursyafiqah Syazana Sharudin (P5951), merupakan pelajar Sarjana dari Program Geosains Marin, FSSM telah berjaya memperoleh Geran Penyelidikan Antarabangsa tajaan oleh Joseph A. Cushman 2025 daripada Cushman Foundation for Foraminiferal Research. Projek beliau bertajuk "Investigating the Response of Larger Benthic Foraminifera (LBF) in the Mesophotic Reefs of Tioman Island to Climate Change and the Role of Endosymbiosis in Their Adaptation" telah dipilih bagi menerima pembiayaan penyelidikan bernilai USD 3,000. Penyelia projek penyelidikan tersebut adalah PM Dr. Fatin Izzati binti Minhat.

PROGRAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DAN KETERLIHATAN

NAMA PROGRAM	:	PENCAPAIAN PELAJAR: PINGAT EMAS PERTANDINGAN INTERNATIONAL 1ST OCEAN OLYMPICS DI BRAZIL
TARIKH PROGRAM	:	13 JUN 2025



Seramai 7 orang pelajar dari Program Biologi Marin telah diumumkan pemenang pingat emas bagi pertandingan International 1st International Ocean Olympics ini melalui penyertaan dalam kategori Artistic, Cultural and Technological Production anjuran Mare de Ciência (Brazil) yang merupakan sebahagian daripada inisiatif UN Decade of Ocean Science. Projek mereka yang bertajuk "Threads of Life: Microbial Connections Across Coastal Worlds" menggabungkan seni dan sains, menampilkan mikroorganisma marin dari tiga habitat utama: terumbu karang (biru), rumpai laut (hijau), dan hutan bakau (merah). Mikroorganisma dikultur dan diawet dalam resin berwarna, mewakili hubungan ekologi antara habitat-habitat ini.

PROGRAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DAN KETERLIHATAN

NAMA PROGRAM	:	PENCAPAIAN PELAJAR: THE 8th ANNUAL STUDENT RESEARCH DAY
TARIKH PROGRAM	:	22 JUN 2025

CONGRATULATION!

CHEA YIEU SHEN (S66554)

a student of the Bachelor of Applied Science (BASc) Nanophysics for winning First Place in the Best Project Award Final Year Project II
 Track : Science

“CHELULOSE - SUSTAINABLE CELLULOSE PRODUCTION FROM MD2 PINEAPPLE PEEL VIA HYBRID CHEMICAL AND MECHANICAL PROCESSING”

Daripada Pengurusan FSSM

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

Official UMT


WORLD UNIVERSITY RANKINGS

MyPDR

“Terokaan Seluas Lautan, Demi Kelestarian Sejagat” | “Ocean of Discoveries, for Global Sustainability”

Saudara Chea Yieu Shen (S66554), pelajar Sarjana Muda Sains Gunaan (Nanofizik) dengan Kepujian, merupakan salah seorang pelajar FSSM yang telah berjaya meraih tempat pertama dalam kategori Projek Tahun Akhir Terbaik serta memenangi wang tunai sebanyak RM700.00. Program ini telah mengetengahkan 72 projek tahun akhir terbaik daripada 1,763 pelajar UMT, yang mencerminkan pencapaian serta potensi penyelidikan pelajar UMT. SRD2025 juga telah menerima penyertaan peserta luar yang terdiri daripada pelajar antarabangsa.

PROGRAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DAN KETERLIHATAN

NAMA PROGRAM	:	PENCAPAIAN PELAJAR: OCEANX 2025 LAS PALMAS YOUNG EXPLORERS CRUISE ON OCEANX
TARIKH PROGRAM	:	23 JUN 2025
		<p>Saudara Muralidhara Ram Murugan, pelajar Sarjana Muda Sains Gunaan (Biologi Marin) dengan Kepujian, FSSM telah dipilih untuk menyertai Program Oceanx 2025 Las Palmas Young Explorers Cruise on Oceanx yang bermula di Las Palmas, Sepanyol dan berakhir di Schiedam, Belanda.</p>